
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

CMM111 – Konsep & Kemahiran Teknologi Maklumat

Masa : 1 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM PULUH** soalan di dalam **LIMA BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 - Jawab **SEMUA** soalan pada borang OMR.
 - Anda **TIDAK** dibenarkan membawa keluar kertas soalan ini dari bilik peperiksaan. Selepas tamat peperiksaan, kertas soalan ini akan dipungut bersama-sama dengan borang OMR.
-

1. Yang mana antara berikut tidak menyumbang kepada peningkatan kepantasan pemproses?
 - (A) Kepantasan jam
 - (B) ROM
 - (C) Panjang perkataan
 - (D) Kerumitan set arahan

2. RAM terbaru yang berupaya menyimpan data menggunakan caj magnetik ialah _____
 - (A) RDRAM
 - (B) DDRAM
 - (C) SDRAM
 - (D) MRAM

3. Antara operasi-operasi asas perisian sistem adalah untuk
 - I. mengimbas virus.
 - II. mengurus perisian aplikasi.
 - III. mengawal dan mengurus perkakasan.
 - IV. memulakan komputer.
 - (A) IV
 - (B) I & IV
 - (C) II, III & IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi

4. Rangkaian komputer menyokong fungsi-fungsi berikut KECUALI
 - (A) memudahkan proses sandaran.
 - (B) perkongsian perisian.
 - (C) perkongsian perkakasan.
 - (D) penghantaran data.

5. _____ merupakan fail-fail kecil data yang disimpan dan dicapai oleh komputer pelayan Web daripada komputer anda setiap kali anda melawati laman web berkenaan.
 - (A) Cookies
 - (B) Spam
 - (C) Portal
 - (D) Javascripts

6. Susunan hierarki penyimpanan data asas adalah dalam bentuk _____ .
- (A) pangkalan data, fail, rekod, medan, aksara
 - (B) aksara, medan, rekod, fail, pangkalan data
 - (C) pangkalan data, rekod, fail, medan dan aksara
 - (D) aksara, rekod, medan, fail, pangkalan data
7. Yang manakah antara kenyataan-kenyataan berikut BENAR?
- I. 802.11 merupakan satu piawaian bagi LAN tanpa wayar.
 - II. Modem ISDN menghantar data dalam bentuk digital.
 - III. Kadar muatan yang boleh dibawa oleh saluran komunikasi dinamakan lebar jalur (bandwidth).
 - IV. ATM merupakan perkhidmatan talian komunikasi rangkaian telefon yang berupaya menghantar data, audio, video dan multimedia dengan pantas.
- (A) IV
 - (B) I & IV
 - (C) II, III & IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
8. Yang manakah antara kenyataan-kenyataan berikut BENAR?
- I. Perkakasan yang menghubungkan jenis rangkaian yang berbeza protokol dikenali sebagai hub.
 - II. Aktiviti plagiat, lanun komputer, penyalahgunaan e-mel, penyalahgunaan laman Web lucah dan memasuki sistem komputer secara tanpa kebenaran merupakan beberapa aktiviti yang dianggap sebagai tidak beretika.
 - III. Penskripan adalah atur cara pendek yang dilaksanakan di dalam atur cara lain.
 - IV. Edutainment merupakan salah satu kaedah pembelajaran dan pengajaran menggunakan komputer.
- (A) IV
 - (B) I & IV
 - (C) II, III & IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi

9. Yang manakah antara kenyataan-kenyataan berikut BENAR?
- I. Topologi bintang – melibatkan satu hos komputer yang merupakan sebuah mikrokomputer.
 - II. Topologi gelang – mesej dari satu komputer terpaksa melalui komputer yang lain untuk sampai ke destinasi.
 - III. Topologi bintang – jika satu nod dalam rangkaian rosak maka seluruh rangkaian tidak dapat berfungsi.
 - IV. Topologi Hybrid – merupakan gabungan dua atau lebih topologi dalam rangkaian.
- (A) III sahaja
(B) I & II
(C) I, II & IV
(D) Semua jawapan di atas
(E) Tiada jawapan yang diberi
10. Apabila komputer dihidupkan, pemproses mendapat arahan daripada _____.
- (A) BIOS
(B) RAM
(C) ROM
(D) CMOS
11. Bahasa-bahasa pengaturcaraan generasi keenam juga dikenali sebagai _____.
- I. Bahasa-bahasa asli
 - II. Bahasa berasaskan pengetahuan
 - III. Sistem pakar
 - IV. Bahasa-bahasa penghimpun
- (A) I sahaja
(B) I & IV
(C) II sahaja
(D) II & III
(E) I, II & III

12. Yang manakah antara pernyataan berikut BENAR?
- I. Kad pintar bestari mengandungi pemproses dan mempunyai keupayaan input, proses, output dan storan.
 - II. Cakera cache merupakan bahagian ingatan pemproses yang digunakan untuk menyimpan item-item yang kerap dicapai.
 - III. Sistem Storan Enterprise merupakan strategi yang memfokus kepada penyediaan kemudahan, penjagaan, organisasi, dan salinan pendua storan dalam syarikat.
 - IV. Pemacu Keras Internet (Internet hard drive) membolehkan data dikongsi di antara pengguna komputer.
- (A) II
 - (B) I & IV
 - (C) II, III & IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
13. Nombor unik yang mewakili lokasi kedudukan data dalam ingatan dikenali sebagai _____.
- (A) alamat
 - (B) daftar
 - (C) cache
 - (D) nombor IP
14. Versi teks nombor unik yang mewakili setiap komputer atau peranti yang disambung ke Internet dikenali sebagai _____.
- (A) alamat protokol Internet (IP)
 - (B) nama domain
 - (C) DNS
 - (D) URL
15. Mesej e-mel atau pengeposan "newsgroup" yang tidak diundang atau e-mel Internet sampah dikenali sebagai _____.
- (A) spam
 - (B) spyware
 - (C) adware
 - (D) cookie

16. Virus yang mengubahsuai kodnya sendiri setiap kali ia menjangkiti fail lain serta sukar dijejaki melalui tandatangan virus kerana corak kod virus yang tidak sama dikenali sebagai _____ .
- (A) virus Polymorphic
 - (B) virus Stealth
 - (C) virus macro
 - (D) virus malware
17. Yang manakah antara yang berikut merupakan peranti input biometrik yang boleh digunakan untuk mengesahkan identiti seseorang?
- I. Pengimbas cap jari
 - II. Sistem geometri tangan
 - III. Pengimbas iris
 - IV. Sistem input tanda tangan
- (A) IV
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
18. Bahagian "cs.usm.my" yang digariskan pada alamat e-mel seperti yang ditunjukkan di bawah dikenali sebagai _____ .
- rafie@cs.usm.my
- (A) protokol
 - (B) nama domain
 - (C) nama pelayan
 - (D) nama komputer
19. Yang manakah antara yang berikut merupakan peranti yang boleh digunakan oleh orang kurang upaya?
- I. gadkekunci
 - II. skrin monitor besar
 - III. penunding pasang kepala
 - IV. pengecam sebutan
- (A) II
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi

20. Yang manakah antara kenyataan-kenyataan berikut BENAR?
- I. Produk CASE ialah alatan perisian yang direka bentuk untuk menyokong satu atau banyak aktiviti dalam kitar hayat pembangunan sistem.
 - II. OQL adalah bahasa pertanyaan yang membolehkan anda mengurus, mengemas kini dan mencapai data.
 - III. Agen pintar dalam atur cara e-mel akan membolehkan anda menyemak kemasukan mesej-mesej e-mel dan meminta paparan notis serta merta sekiranya mesej yang diterima adalah berkaitan dengan subjek tertentu.
 - IV. Window CE merupakan sistem pengoperasi rangkaian untuk PC.
- (A) II
(B) I dan IV
(C) II, III dan IV
(D) Semua jawapan di atas
(E) Tiada jawapan yang diberi
21. Yang manakah antara kenyataan berkenaan bahasa pengaturcaraan berikut BENAR?
- I. Perisian yang disumbangkan untuk kegunaan awam secara percuma untuk jangka masa percubaan dikenali sebagai perisian "freeware".
 - II. Macromedia Dreamweaver adalah perisian mengarang laman web.
 - III. DHTML adalah bahasa khusus digunakan untuk mencipta laman web.
 - IV. Javascript adalah bahasa "interpreted" yang membenarkan pengaturcaraan menambahkan kandungan dinamik dan elemen interaktif ke dalam laman web.
- (A) II
(B) I dan IV
(C) II, III dan IV
(D) Semua jawapan di atas
(E) Tiada jawapan yang diberi
22. Rangkaian _____ mengandungi beberapa komputer yang dipautkan kepada hos komputer pusat, yang mana komputer yang dipautkan itu juga menjadi hos kepada komputer lain yang lebih kecil.
- (A) hierarki
(B) gelang
(C) bas
(D) bintang

23. Pembelian buku dan barangan tertentu daripada syarikat menerusi internet adalah satu contoh model E-dagang _____ .
- (A) P2P
 - (B) B2C
 - (C) C2C
 - (D) B2E
24. _____ merupakan teknik untuk menggelintar dan meneroka maklumat dan corak yang berkaitan dalam data.
- (A) Penggudangan data
 - (B) Perlombongan data
 - (C) Penggelintaran data
 - (D) Pemprosesan data
25. _____ digunakan khas untuk tujuan membaca cetakan tulisan tangan.
- (A) Pembaca kod bar
 - (B) Pengecam aksara dakwat magnet
 - (C) Pengecam aksara optik
 - (D) Pengecam tanda optik
26. Fasa _____ dalam kitar hayat pembangunan sistem menumpukan pada menentukan kaedah pelaksanaan sistem baru dan menyediakan antara muka skrin input serta output.
- (A) kajian ketersauran
 - (B) penyiasatan awalan
 - (C) reka bentuk
 - (D) analisis
27. Pusat-pusat latihan, institusi pendidikan dan syarikat pengiklanan menggunakan perisian _____ untuk membangunkan sistem aplikasi interaktif.
- (A) alat pengarangan
 - (B) reka bentuk bantuan komputer (CAD)
 - (C) multimedia
 - (D) pembangunan Web

28. Yang manakah antara kenyataan-kenyataan berikut BENAR?

- I. "electronic Customer Relationship Management (eCRM)" adalah perkhidmatan selepas jualan E-dagang melalui penghantaran e-mel automatik untuk mengesahkan pesanan, papar soalan lazim (FAQ), dan pengendalian banciaan.
- II. Pengulang (repeaters) menghubungkan segmen-segmen dalam rangkaian dengan meningkatkan keupayaan penghantaran isyarat supaya boleh dihantar lebih jauh.
- III. Jejak Audit merupakan salah satu cara untuk melindungi komputer daripada penggadam.
- IV. PC Hijau adalah program untuk penjagaan alam sekitar.

- (A) II
- (B) I dan IV
- (C) II, III dan IV
- (D) Semua jawapan di atas
- (E) Tiada jawapan yang diberi

29. Yang manakah antara kenyataan-kenyataan berikut BENAR?

- I. Proses vaksin fail atur cara merupakan proses atur cara antivirus merekod saiz fail & tarikh dicipta serta menggunakan maklumat ini untuk menjejaki virus yang telah menjangkiti fail.
- II. RAD (Rapid Application Development) membolehkan juru atur cara membangunkan sistem secara berperingkat mengikut segmen-segmen dan menggunakan komponen-komponen yang telah siap.
- III. Sijil digital adalah satu notis yang memberi jaminan bahawa seseorang pengguna atau tapak web adalah sah.
- IV. Perisian alpha adalah perisian yang di peringkat ujian terakhir.

- (A) II
- (B) I dan IV
- (C) II, III dan IV
- (D) Semua jawapan di atas
- (E) Tiada jawapan yang diberi

30. Port _____ dapat menyokong sehingga 15 jenis peranti.

- (A) SCSI
- (B) USB
- (C) 1394
- (D) IrDA

31. Yang manakah antara kenyataan-kenyataan berikut BENAR?
- I. Reka bentuk OOP menjadi lebih popular berbanding dengan reka bentuk berstruktur kerana keupayaannya menggunakan semula kod modul-modulnya.
 - II. Pencetak format besar berupaya mencetak saiz grafik yang sangat besar serta berkebolehan mengimbas gambar.
 - III. Solaris merupakan sistem pengoperasi berjenis UNIX khusus untuk aplikasi e-dagang.
 - IV. VRML ialah bahasa pengaturcaraan untuk menghasilkan aplikasi 3-D.
- (A) II
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
32. Yang manakah antara kenyataan-kenyataan berikut PALSU?
- I. Sistem Kedudukan Global (GPS) boleh digunakan untuk membantu syarikat pengangkutan menjejak kenderaan mereka dengan tepat semasa ia dalam perjalanan menuju destinasi.
 - II. Portal merupakan get laluan (gateway) yang menawarkan alatan carian bersama-sama dengan kemudahan lain yang diberikan secara percuma seperti e-mel, dan lain-lain.
 - III. Sistem pengoperasi Active Directory (AD) membenarkan pentadbir rangkaian menguruskan semua maklumat rangkaian termasuk semua pengguna, peranti, penetapan perkakasan dan hubungan dari persekitaran pusat.
 - IV. Kaedah merekod secara zon bertujuan untuk mengoptimumkan kadar kelajuan membaca data pada cakera.
- (A) II
 - (B) I & IV
 - (C) II, III & IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
33. Apakah jenis kecerdasan buatan yang mensimulasi fungsi otak manusia?
- (A) logik fuzzy
 - (B) rangkaian neural
 - (C) sistem cerdas
 - (D) algoritma genetik

34. _____ merupakan satu kumpulan perbincangan melalui laman Web.
- (A) Message board
 - (B) Listserv
 - (C) Usenet
 - (D) Chat
35. Suatu sistem yang direka bentuk untuk mempersembahkan maklumat dalam bentuk fleksibel, mudah diguna, direka bentuk dalam format grafik untuk esekutif atasan.
- (A) MIS
 - (B) DSS
 - (C) EIS
 - (D) ES
36. _____ ialah penggunaan internet yang dihubungkan dengan organisasi luar secara terpilih.
- (A) Internet
 - (B) Intranet
 - (C) Extranet
 - (D) Telnet
37. Yang manakah antara kenyataan-kenyataan berikut BENAR?
- I. Sistem Sokongan Keputusan merupakan suatu sistem maklumat yang berasaskan pengetahuan dalam sesuatu bidang yang digunakan oleh pengguna akhir untuk membuat sesuatu keputusan.
 - II. Ergonomik merujuk kepada kajian berkaitan hubungan fizikal antara manusia dan perkakasan yang digunakan supaya penggunaan komputer selesa, selamat dan mudah digunakan.
 - III. "Webcasting" adalah proses memuat turun kandungan laman web secara automatik ke dalam komputer pelayan organisasi pada waktu tertentu.
 - IV. Bioinformatik menggabungkan bidang biologi dan sains komputer bagi tujuan mengkaji penyakit.
- (A) II
 - (B) I & IV
 - (C) II, III & IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi

38. Garis panduan yang mentadbir penggunaan komputer dikenali sebagai
- (A) Kod Perilaku
 - (B) Etika Berkomputer
 - (C) Panduan Berkomputer
 - (D) Prosedur Berkomputer
39. Aplikasi perisian boleh bekerjasama antara satu sama lain menggunakan _____.
- (A) object linking and embedding
 - (B) pengkompil
 - (C) penterjemah
 - (D) groupwer
40. Yang manakah antara yang berikut merupakan komponen dalam bidang kecerdasan buatan?
- I. sistem penglihatan (vision system)
 - II. algoritma genetik
 - III. pemprosesan bahasa semulajadi
 - IV. robotik
- (A) IV
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
41. Jenis khusus kecederaan keterikan berulang yang menyebabkan kerosakan kepada saraf dan tendon dalam tangan dinamakan _____.
- (A) kecederaan tekanan berterusan (RSI)
 - (B) gangguan trauma kumulatif
 - (C) sindrom terowong pergelangan tangan
 - (D) teknotekanan
42. Individu yang banyak berinteraksi dengan pengguna dan kakitangan lain yang terlibat dalam pembangunan sistem komputer bagi menyediakan keperluan sistem baru dikenali sebagai _____.
- (A) Jurutera Perisian
 - (B) Jruanalisis Sistem
 - (C) Pengacara Sistem
 - (D) Pengaturcara Komputer

43. Terminal pusat jualan (POS), mesin teler automatik (ATM) dan paparan bestari merupakan terminal _____ yang melaksanakan fungsi dan tugas yang tertentu.
- (A) bestari
 - (B) dunggu
 - (C) fungsi khas
 - (D) kiosk
44. Dua jenis rangkaian tanpa wayar untuk kegunaan di rumah ialah _____ .
- (A) Ethernet dan Internet
 - (B) Bluetooth dan irDa
 - (C) HomeRF dan Wi - Fi
 - (D) HomeRF dan Internet
45. Atur cara yang dimasukkan ke dalam komputer bertujuan untuk mengutip maklumat tentang pengguna tanpa pengetahuan mereka dikenali sebagai _____ .
- (A) cookie
 - (B) spyware
 - (C) spamware
 - (D) adware
46. Bilangan warna yang boleh dipaparkan oleh kad video ditentukan oleh kriteria berikut.
- I. resolusi paparan
 - II. dot pitch
 - III. kadar penyerahan semula
 - IV. kedalaman bit
- (A) IV
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
47. Teknologi _____ meningkatkan kuasa pemprosesan dan memperbaiki masa capaian dengan membenarkan cip pemproses meniru (mimic) kuasa dua pemproses
- (A) Hyper-Threading (HD)
 - (B) Pempaipan (Pipeline burst)
 - (C) kopemproses
 - (D) pemprosesan selari

48. Peraturan untuk bertukar-tukar data dalam rangkaian dinamakan _____.
- (A) protokol
 - (B) konfigurasi
 - (C) topologi
 - (D) sistem komunikasi
49. Ralat _____ berlaku bila pengiraan atau prosedur yang dilaksanakan tidak betul.
- (A) sintak
 - (B) logik
 - (C) jujukan
 - (D) manusia
50. Pangkalan data yang wujud di beberapa lokasi dalam rangkaian atau internet dikenali sebagai _____.
- (A) Pangkalan data hipermedia
 - (B) Pangkalan data teragih
 - (C) Pangkalan data berhubung
 - (D) Pangkalan data berasaskan objek

BAHAGIAN B

Nyatakan sama ada kenyataan di bawah **BENAR** atau **PALSU**. Hitamkan **A** bagi **BENAR** dan **B** bagi **PALSU**.

51. Peringkat Perancangan adalah peringkat yang paling sukar untuk menakrif keperluan maklumat.
52. C++ dan Visual Basic adalah contoh perisian aplikasi.
53. Laporan yang telah terlebih dahulu dijanakan dan laporan secara berjadual dijanakan oleh Sistem Maklumat Pengurusan (MIS).
54. CASE merupakan proses yang mana atur cara disusun mengikut objek; iaitu setiap objek mengandungi data dan operasi pemprosesan yang berkaitan untuk melaksanakan tugas.
55. Kumpulan perbincangan melalui e-mel yang menggunakan satu alamat e-mel bagi mewakili sekumpulan alamat e-mel dikenali sebagai newsgroup.

56. Multi tugas (multitasking) melibatkan pelaksanaan lebih daripada satu aplikasi serentak.
57. Komputer-komputer pada internet berkomunikasi antara satu sama lain menerusi hubungan pelayan/pelanggan.
58. Perisian Set adalah koleksi beberapa aplikasi perisian dalam satu pakej dengan set perintah yang sepunya dan berkebolehan bekerja sebagai satu perisian dan berkongsi data.
59. Pemalam dimuat secara automatik bersama IE bagi membolehkan kandungan animasi dilancarkan pada laman web.
60. Komputer Apple Macintosh merupakan komputer pertama memperkenalkan OS bercirikan antara muka pengguna bergrafik (graphical user interface (GUI)).

-oooOooo-